

PELAJURAN LANGSUNG ASING MALAYSIA KE CHINA :
PERKEMBANGAN, FAKTOR-FAKTOR
DAN CABARAN

MAZLAN BIN SHARIF

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

106493



106493

ABSTRAK

Pelaburan Langsung Asing (FDI) memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi sesebuah negara. Kebanyakan negara berusaha sebaik mungkin untuk menggerakkan ekonomi negara mereka supaya dapat menarik FDI. Sementara itu, sesetengah negara pula meningkatkan usaha untuk menggalakkan pelabur-pelaburnya melabur ke luar negara untuk mencari pasaran baru. Bagi Malaysia, FDI ke luar negara telah bermula sejak tahun 1980-an lagi. Namun demikian pertumbuhan yang signifikan terhadap FDI hanya berlaku selepas tahun 1990. FDI oleh pelabur-pelabur Malaysia pada peringkat awalnya lebih tertumpu kepada empat buah negara iaitu Australia, Hong Kong, Singapura dan United Kingdom. Sementara FDI Malaysia ke negara China mula menunjukkan nilai yang signifikan pada tahun 1992.

Objektif utama kajian ini adalah untuk melihat faktor-faktor yang mendorong pelabur-pelabur Malaysia melabur di China, cabaran yang dihadapi dan prospek pelaburan di negara tersebut. Objektif lain termasuklah melihat perkembangan FDI Malaysia ke luar negara dari segi jumlah pelaburan dan negara-negara destinasi. Kajian ini mendapati, pertama, pelabur-pelabur Malaysia bermotivasi untuk menjalankan usaha FDI di China kerana mencari pasaran baru, mempelbagaikan risiko, menikmati penawaran buruh yang banyak dan murah, galakan dari kerajaan Malaysia dan China melalui insentif-inseftif cukai, mengambil peluang terhadap pertumbuhan ekonomi yang menakjubkan di China dan lain-lain lagi. Kedua, dalam usaha mengejar motif di atas, pelabur-pelabur berhadapan dengan beberapa masalah. Ini termasuklah masalah birokrasi, polisi-polisi yang tidak telus, rangka kerja perniagaan dan perundungan yang tidak lengkap, perbezaan budaya dan tradisi dan lain-lain. Cadangan tentang bagaimana untuk berurusan dengan orang-orang China di buat pada akhir kajian ini. Ia bertujuan untuk menyediakan rujukan kepada pelabur-pelabur yang berpotensi supaya dapat menambah peluang kejayaan mereka apabila menjalankan pelaburan di China.

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Pelaburan langsung asing (FDI) memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi sesebuah negara. FDI biasanya berlaku kerana firma-firma cuba mengembangkan operasinya ke negara yang lebih hampir dengan sumber asli. Negara-negara membangun selalunya kaya dengan sumber bahan mentah seperti getah, bijih timah, besi, petroleum, gas, dan sebagainya. Di negara-negara ini juga terdapat buruh yang murah. Di negara maju pula terdapat kepakaran, teknologi, dan modal yang diperlukan dalam sesuatu industri. Keadaan ini memberikan firma-firma di negara maju keupayaan dan kelebihan untuk mengeksplotasi sumber bahan mentah dan buruh yang murah untuk kepentingan mereka.

Firma asing akan mengaut keuntungan yang besar daripada pelburannya. Negara tuan rumah juga tidak ketinggalan untuk memperolehi faedah. Ini termasuklah dapat mengatasi masalah kekurangan modal dan kepakaran, serta menyumbangkan kepada peningkatan keluaran dalam negara kasar (KDNK), eksport dan peluang-peluang pekerjaan. Namun demikian FDI memberikan banyak kesan terhadap imbalan pembayaran baik kepada negara asalnya maupun negara tuan rumah.

Kepada negara asal, FDI pada peringkat awalnya memberikan sumbangan negatif kepada imbalan pembayaran, di samping menambah penawaran mata wang negara itu di pasaran pertukaran asing. Walau bagaimanapun FDI memberikan kesan positif terhadap imbalan pembayaran negara itu melalui keuntungan dan dividen pelaburan yang dibawa pulang. Bagi negara tuan rumah, kesan negatif FDI adalah bersifat jangka panjang. Pada peringkat awal, aliran modal yang mengiringi pelaburan asing boleh memperbaiki kedudukan imbalan pembayaran negara ini. Kesan negatif terhadap imbalan pembayaran lebih merupakan keuntungan dan dividen yang dibawa balik dari negara ini oleh pelabur. Kesan-kesan negatif lain termasuklah peningkatan import negara, pemindahan teknologi yang kurang berkesan dan persaingan kepada pelabur-pelabur tempatan.

Memandangkan fenomena ini, sesebuah negara tidak seharusnya terlalu bergantung kepada kemasukan FDI. FDI ke luar negara seharusnya digalakkan kepada firma-firma tempatan khususnya dalam era globalisasi. Persaingan sengit dalam perdagangan antarabangsa telah memaksa Perbadanan Multinasional (MNC) mengubah strategi pelaburan mereka ke beberapa negara bagi memastikan kelangsungan perniagaan dan berada bersama-sama dalam keadaan yang bersaing di pasaran tersebut. Sebagai contoh, syarikat gergasi elektronik Jerman, Siemens. Pada peringkat awal pembuatan sesuatu keluaran yang memerlukan kepakaran yang tinggi dan penggunaan automasi, ianya dijalankan di negara sendiri. Setelah itu keluaran-keluaran yang separuh siap tadi akan dihantar ke Malaysia untuk disiapkan dengan menggunakan intensif buruh. Dalam waktu yang sama kebanyakan penyelidikan perisian komputernya dijalankan di India yang mempunyai banyak penawaran pakar-pakar

~~komputer~~ yang murah. Melalui strategi ini kos pengeluaran dapat dikurangkan, ~~keuntungan~~ bertambah, pasaran menjadi lebih global, syarikat memiliki kelebihan bersaing dan ekonomi antarabangsa berkembang.

1.2 GLOBALISASI DAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN

Sejak dua dekad lalu, perubahan-perubahan ketara yang berlaku dalam corak pengeluaran, kepesatan penyerapan pengetahuan dan maklumat serta penumpuan terhadap faktor-faktor pasaran telah mengubah corak ekonomi dunia. Perubahan-perubahan ini, yang lazimnya digelar proses liberalisasi dan globalisasi telah mempengaruhi perhubungan antara negara-negara dan masyarakat. Proses globalisasi bersifat pertumbuhan perdagangan antarabangsa dan aliran modal yang pesat, komponen perkhidmatan yang meningkat dalam perdagangan, proses pengeluaran secara global dan juga kesediaan negara-negara untuk bekerjasama, sama ada dalam konteks liberalisasi pelbagai hala mahupun serantau. Ekonomi dunia yang melalui proses globalisasi memungkinkan peluang-peluang yang baik dan secara langsung menambah momentum kepada proses pembangunan. Di sebilangan negara-negara membangun tertentu, globalisasi sektor kewangan dan peningkatan mendadak aliran modal sejak tahun 1992 telah menambah sumber-sumber yang tersedia kepada firma-firma mereka.

Salah satu komponen aliran ini, iaitu FDI sedang dan akan terus wujud dalam jangka panjang sebagai sumber penting untuk perindustrian negara-negara membangun termasuk Malaysia. Berkait rapat dengan FDI ialah kesan pembangunan yang